

11/11/2003

Ucap terima kasih, tahniah dalam puisi

Prof Emeritus Nik Safiah Karim

KALAU kita membaca akhbar dalam sehari dua yang lalu, kita dihujani rencana istimewa mengenai Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kepada yang pertama kita mengucapkan terima kasih dan selamat bersara. Kepada yang kedua kita mengucapkan tahniah dan selamat bertugas.

Ucapan penghargaan serta ucapan tahniah itu sememangnya patut disampaikan. Dunia menyaksikan pemindahan kuasa secara aman dalam dunia yang penuh pancaroba ini. Negara kita memang boleh dikatakan amat bertuah.

Rencana mengenai kedua-dua tokoh itu penuh dengan pujian dan harapan.

Kepada yang telah berkhidmat selama 22 tahun, pujian mencurah tentang sumbangannya kepada negara. Tentang penggantinya, rencana memberikan latar belakang dan membayangkan harapan yang tinggi.

Yang menarik kepada saya, sebagai ahli bahasa, ialah bahasa yang digunakan dalam sebahagian daripada ucapan terima kasih dan tahniah itu. Selain rencana khas yang ditulis oleh pihak media, banyak badan dan firma turut melafazkan ucapan berkenaan. Dalam pengucapan itu, kita perhatikan penggunaan bahasa yang indah-indah, terutama yang berbentuk puisi.

Pertama ialah ucapan prosa tetapi dengan bahasa yang disusun indah, yang memperlihatkan keupayaan bahasa Melayu untuk menyampaikan buah fikiran dengan baik dan berkesan. Sebagai contoh ialah ucapan yang disampaikan oleh Syarikat Talam dan Europlus, yang secara ringkas menyampaikan "sekaling terima kasih" (kepada Tun Mahathir) dan "setinggi-tinggi tahniah" kepada Abdullah. Ini disertai ungkapan "Peralihan jitu serba sempurna".

Syarikat Proton pula menyatakan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir dengan mengatakan "Sesetengah syarikat mengisi ruang iklan sebagai penghargaan kepada beliau. Bagi kami, syarikat kami adalah iklannya." Ini ditambah pula penjelasan yang berbunyi: "Sebuah impian pada tahun 1981; suatu realiti pada tahun 1985; satu kejayaan antarabangsa hari ini."

Yang lebih menarik ialah penggunaan bentuk puisi untuk menyampaikan mesej. Universiti Malaya, misalnya, melalui Naib Canselornya, telah menulis dua buah sajak, satu ditujukan kepada Dr Mahathir dan yang kedua kepada Abdullah. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) juga mencipta dua sajak, satu untuk Tun Dr Siti Hasmah dan satu lagi untuk Dr Mahathir. Turut bersajak ialah beberapa badan lain, antaranya Bank Pertanian Malaysia dan Maxis.

Pantun juga menjadi bentuk popular untuk menyampaikan mesej. Warga Petronas telah mengeluarkan dua ciptaan pantun, masing-masing terdiri daripada empat rangkap pantun yang disiarkan dalam dua lembaran berasingan. Pantun yang ditujukan kepada bekas Perdana Menteri berjudul "Sejambak Kasih Sekalung Penghargaan", manakala yang ditujukan kepada Perdana Menteri baru berjudul "Sekalung Tahniah Seuntai Kasih".

Demikian juga, pantun digunakan untuk menyampaikan ucapan terima kasih oleh beberapa pihak lain, antaranya Yasmin Holdings Sdn Bhd dan Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, syair turut digunakan. Kumpulan Muhibah Engineering, misalnya, telah menyampaikan mesej dalam lima rangkap syair yang berjudul "Kami Tak Mudah Lupa". Contoh yang kedua ialah syair yang disiarkan bersama rencana yang ditulis oleh Wan Jailani Razak tentang kemajuan di Langkawi.

Yang menarik bagi saya ialah bahawa bahasa Melayu telah digunakan dalam

bentuk yang amat indah untuk menyampaikan perasaan yang halus. Prosa biasa telah disusun dengan baik dan indah. Demikian juga, demi menyatakan sesuatu pada peringkat yang lebih seni, bentuk puisi seperti sajak, pantun, syair telah digunakan.

Inilah bukti yang nyata tentang keupayaan bahasa Melayu untuk menjadi saluran fikiran dan perasaan rakyat Malaysia.